

**Pembangking Sanggup Bohong, Akui Projek Kerajaan Pusat Milik Mereka - Hasan Malek
Bernama
Julai 25, 2011**

SUNGAI PETANI, 25 Julai (Bernama) -- Rakyat luar bandar di Kedah diingatkan agar tidak mudah terpedaya dengan pengakuan kerajaan negeri yang mendakwa mereka banyak membantu rakyat berbanding kerajaan pusat.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Hasan Malek berkata ini kerana kebanyakan projek yang diakui mereka itu sebenarnya bantuan kerajaan pusat.

Antara peruntukan kerajaan pusat yang sering diputar belit pakatan pembangkang ialah projek infrastruktur, bantuan orang kelainan upaya dan orang miskin serta bantuan pelajaran, katanya kepada pemberita, di sini pada Isnin.

Hasan berkata kerajaan negeri yang dikuasai pakatan pembangkang tidak berkemampuan membangunkan negeri termasuk mengeluarkan peruntukan, namun demi memenangi hati rakyat mereka sanggup berbohong.

Katanya sejak Kedah diteraju pakatan pembangkang, kerajaan persekutuan menyalurkan peruntukan menerusi agensi seperti Pejabat Pembangunan Negeri dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda).

"Ini bermakna bantuan tersebut disalurkan terus daripada Pusat dan bukannya melalui wakil rakyat seperti sebelum ini," katanya.

-- BERNAMA